

DATE: 18/9/2010

MBE kesinambungan DEB

UM - 18/09/2010

Oleh ROHAMI SHAFIE

SITUASI semasa ekonomi Malaysia yang semakin positif memberi petanda baik bahawa ekonomi Malaysia berada di landasan yang betul. Dengan pelbagai petunjuk yang memberangsangkan sejak kerajaan memperkenalkan dasar-dasar baru setahun yang lalu, tidak mustahil negara boleh mencapai Wawasan 2020 pada tarikh yang ditetapkan.

Olahan dasar-dasar ekonomi yang mengikut arus semasa dengan tidak meminggirkan mana-mana pihak merupakan satu perkara yang cukup dinanti-nantikan oleh rakyat. Meskipun pada awal pengenalan Model Baru Ekonomi (MBE), ada pihak berasa kluatir yang mana pelaksanaan MBE akan menyebabkan golongan yang terkebelakang semakin jauh terkebelakang. Yang menariknya, golongan ini merupakan penduduk majoriti dan pribumi negara ini. Kekhuatiran ini meresahkan mereka.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dahulunya dilaksanakan selama 20 tahun masih tidak cukup untuk memajukan mereka. Tidak perlulah ditunjukkan segala angka-angka yang acap kali dikeluarkan oleh mana-mana pihak untuk membuktikan kebenaran kata-kata mereka.

Bahkan warga asing yang pertama kali tiba di bumi bertuah ini juga akan segera memberi jawapan yang sama sebagaimana yang dibuktikan oleh angka-angka tersebut apabila melihat suasana ekonomi di sekelilingnya.

Tidakkah ini mencerminkan tempoh masa DEB masih belum cukup untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih seimbang untuk semua rakyat?

Kita janganlah sekadar melihat penduduk di bandar-bandar besar yang menikmati kemewahan, maka berhujahlah di sana sini bahawa sudah sampai masanya kita menggunakan dasar merit secara total. Tidakkah kita lupa atau sengaja lupa bahawa masih ramai yang hidup di bawah garis kemiskinan di bandar-bandar besar.

Ini belum diambil kira kehidupan penduduk luar bandar. Pergilahi selalu menjejak penduduk luar bandar dan renungkanlah kembali adakah wajar dasar merit secara total dilaksanakan segera, kononnya demi untuk keadilan semua.

Justeru itu, apabila ada jaminan oleh Perdana Menteri bahawa MBE bukanlah untuk menggantikan DEB sepenuhnya, maka ia adalah satu pengumuman yang boleh melegakan banyak pihak. Dengan kata lain, MBE adalah kesinambungan DEB yang ada di antaranya masih belum mencapai sasaran.

Apabila ini berlaku, dasar baru yang tetap membantu golongan yang memerlukan bantuan wajar diteruskan. Intipati inilah yang ditekankan dalam MBE.

Dasar berorientasikan merit tetapi tetap



MEMBANTERAS kemiskinan menjadi sebahagian daripada fokus pelaksanaan MBE. - GAMBAR HIASAN

mengambil tindakan afirmatif. Bukanlah satu dasar yang mementingkan merit seratus peratus sehingga menyebabkan jurang perbezaan ekonomi semakin melebar.

Dasar merit tetapi masih berorientasikan afirmatif akan menjadikan negara ini lebih progresif. Yang gagah boleh meneruskan usaha dan idea-idea terbaru mereka untuk merebut peluang yang terbuka luas, lebih-lebih lagi ekonomi negara kini lebih liberal.

Peluang yang terbuka luas inilah akan membentuk satu perubahan besar dan penambahbaikan secara berterusan untuk kemajuan negara. Tetapi pada masa yang sama, jangan sesekali melupakan golongan yang masih ketinggalan.

Mereka tidak boleh dipinggirkan kerana jika ini berlaku apakah akan terjadi ke atas keseimbangan ekonomi negara? Mereka mesti dibantu sehingga berjaya.

Tidak kiralah sama ada melalui bantuan pendidikan mahupun bantuan latihan untuk perniagaan, mahu tidak mahu setiap da-

ripada mereka berhak diberikan keutamaan sebagaimana kita memberi perhatian terhadap pelabur-pelabur luar yang kaya raya.

Kejayaan bantuan ini bukanlah boleh dilihat dalam sekelip mata tetapi hasilnya akan dituai dalam tempoh jangka masa panjang. Buktinya, dasar pendidikan negara untuk membantu golongan ini melalui DEB telah mengubah nasib anak nelayan dan petani menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat gergasi dan naib canselor universiti. Tidakkah ini akan menjadikan ekonomi kita akan lebih progresif melalui dasar-dasar yang telah dilaksanakan melalui DEB?

Dasar yang membela dan mengubah nasib rakyat agar lebih baik. Kesinambungan inilah yang mesti diterapkan dalam melaksanakan MBE bagi mencari keseimbangan ekonomi di kalangan rakyat Malaysia. Ya, sememangnya tiada dasar yang cukup sempurna. Hukum alam, sesuatu yang dicipta oleh manusia mesti ada kelemahannya. Tetapi ini tidaklah bermakna kelemahan yang ada menutupi

segala kebaikan yang selama ini diperoleh.

Sepatutnya, kelemahan yang ada dijadikan pengajaran untuk masa depan yang baik. Lantaran itu, MBE yang berasaskan liberal yang progresif perlu juga diadunkan bersama-sama dengan perkongsian tulen di antara kaum.

Bantu membantu di antara satu sama lain bagi membesarkan lagi kek ekonomi, akan menghasilkan satu situasi menang-menang yang mana sebelum ini tidak pernah dicapai.

Tidakkah ini lebih baik daripada berebut di antara satu sama lain sehingga menyebabkan ketidakpuasan di kalangan pihak yang kalah? Kaedah lapuk sebeginilah yang mesti dibuang jauh-jauh kerana ia tidak mampu menjanjikan masa depan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia